



Sesungguhnya Allah telah menetapkan setiap kebaikan dan kejahatan, kemudian menjelaskannya

Daripada Ibnu 'Abbas رضي الله عنهما, daripada Rasulullah صلى الله عليه وسلم, baginda meriwayatkan daripada Tuhannya Yang Maha Mulia lagi Maha Tinggi, bahawa baginda bersabda: "Sesungguhnya Allah telah menetapkan setiap kebaikan dan kejahatan, kemudian menjelaskannya. Maka sesiapa yang berhasrat melakukan suatu kebaikan tetapi tidak melakukannya, Allah mencatatnya di sisi-Nya sebagai satu kebaikan yang sempurna. Dan sesiapa yang berhasrat melakukannya lalu melakukannya, Allah menulis baginya 10 kebaikan hingga 700 kali ganda, bahkan berlipat ganda lagi. Dan sesiapa yang berhasrat melakukan kejahatan tetapi tidak melakukannya maka Allah menulisnya di sisi-Nya sebagai satu kebaikan yang sempurna. Dan sesiapa yang berhasrat melakukannya lalu melakukannya, Allah menulisnya sebagai satu kejahatan sahaja."

[صحيح] [رواه البخاري ومسلم في صحيحهما بهذه الحروف]

Rasulullah ﷺ menerangkan bahawa Allah telah menetapkan pahala bagi kebaikan dan dosa bagi kejahatan, kemudian Dia menjelaskan kepada dua malaikat cara mencatat amalan tersebut: Sesiapa yang berkehendak, berniat dan berazam untuk melakukan satu kebaikan maka ditulis baginya satu kebaikan penuh walaupun dia tidak melakukannya. Jika dia benar-benar melakukannya maka pahalanya digandakan 10 kali ganda sehingga 700 kali ganda, bahkan berlipat kali ganda mengikut kadar keikhlasan hati dan sejauh mana manfaat amalan itu tersebar. Sesiapa yang berkehendak, berniat dan berazam untuk melakukan satu kejahatan, lalu dia meninggalkannya kerana Allah maka ditulis baginya satu kebaikan. Jika dia meninggalkannya hanya kerana sibuk atau lalai tanpa berusaha melakukannya maka tidak ditulis apa-apa baginya. Jika dia meninggalkannya kerana tidak mampu melaksanakannya maka ditulis dosa niatnya. Sekiranya dia benar-benar melakukannya, maka ditulis baginya satu dosa sahaja.

<https://sunnah.global/hadeeth/ms/show/66533>

